

Rakam detik indah di Bangkok



Salah satu binaan seni menarik yang terdapat di Tokong Wat Po.



Bertandang kali pertama ke kota Bangkok, Thailand sebagai peserta tunggal Malaysia ke Forum Belia Asia kali ke-13 (AYF 13) membuka peluang kepada siswa Program Bioteknologi Makanan, Fakulti Sains dan Teknologi, Universiti Sains Islam Malaysia (Usim), Fairus Abdul Manaf, untuk menerokai keindahan Bangkok.

Berada seminggu di sana bermula 27 Januari - 2 Februari memberi ruang mencukupi untuk Fairus dan peserta lain dari Bangladesh, China, Indonesia, Jepun, Itali, Russia, Korea Selatan, Thailand, Mongolia dan Filipina untuk menikmati keistimewaan Bangkok dan sekitarnya.

Menurut Fairus, sekebanya di Bangkok, peserta ditempatkan di Hotel Ambassador yang terletak di Jalan Sukhumvit 11 Bangkok, Thailand. Terletak di tengah-tengah kota, Bangkok sama seperti Kuala Lumpur, dikelilingi pelbagai bangunan pencakar langit dan sentiasa meriah dengan pelancong dari luar negara.

Seperti mana ibu negara yang lain, kesesakan lalu-lintas di Bangkok boleh dilihat di mana-mana sahaja. Cuaca di Bangkok juga panas dan lembab, kami selalu dinasihati oleh pihak AYF13 untuk minum air kosong dengan kerap.

Ini adalah kunjungan pertama kali Fairus ke Universiti Thammasat yang merupakan universiti kedua tertua di Thailand, ditubuhkan pada 27 Jun 1934. Ketibaan mereka disambut baik pihak universiti dan penuntutnya. Tarikan semula jadi di universiti ini adalah ia berdekatan dengan Sungai Chao Phraya dan terdapat bot khas yang menyediakan perkhidmatan *river cruise* untuk pelancong menyelusuri sungai ini.

Mereka berpeluang melawat beberapa tokong di Bangkok. Sebagai negara yang ramai penganut Buddha, tokong menjadi lokasi menarik untuk dilawati dan dilaporkan pada 2005 sahaja, Thailand mempunyai hampir 40,717 buah tokong. Kami telah melawat dua tokong berbeza iaitu Tokong Wat

Po dan Tokong Wat Arun.

Tokong Wat Pho merupakan kuil tertua dan terbesar di Bangkok serta menjadi destinasi wajib dikunjungi kerana memiliki patung Buddha Tidur (Reclining Buddha) terpanjang di Thailand berukuran panjang 46 meter dan tinggi 15 meter. Ia dibuat daripada bata, gips dan lapisan emas manakala telapak kakinya dilapisi dengan 108 lakshana (lambang suci Buddha) yang dibuat daripada mutiara.

Kunjungan ke Tokong Wat Arun atau *Temple of The Dawn* juga amat menarik. Terdapat satu prang besar dikelilingi oleh 4 prang kecil yang dibina bercirikan seni Khmer. Berbeza dengan kebanyakan tokong yang mempunyai emas, Wat Arun banyak menggunakan warna putih mutiara dengan dekorasi daripada kerang dan potongan seramik. Apabila naik ke puncak tokong ini, mereka dapat melihat pemandangan bandar Bangkok yang sangat indah dengan sapaan dingin angin.

Seterusnya, mereka ke Pulau Ko Kret yang terletak di tengah Sungai Chao Phraya. Pulau Kret adalah tempat tinggal

etnik Mons yang terkenal dengan industri seramiknya. Pulau ini menyediakan pelbagai pengisian menarik untuk pelancongan, antaranya pengunjung boleh menyewa basikal untuk melawat sekitar pulau, kelas membuat pasu seramik, jualan kraftangan yang murah dan tidak lupa juga juadah-juadah yang menarik seperti bunga kering dan Khanomm, sejenis kuih tradisional Thailand yang dihias cantik.

Apabila melawat dan mengelilingi pulau ini, di sepanjang jalan terdapat banyak gerai yang menjual pelbagai makanan dan juga pakaian. Terdapat juga persembahan tarian tradisional untuk pengunjung yang ingin beristirahat di dewan yang disediakan.

Sambil menyelam minum air. Sesungguhnya kunjungan ke Bangkok memberi pengalaman baharu kepada Fairus dengan berasai sendiri denyut nadi kota Bangkok dan kepelbagaian budaya serta seninya. Sekiranya berpeluang ke Thailand lagi, Fairus ingin ke Chiang Mai yang terkenal dengan pemandangan indah dan kawasan pergunungan yang sejuk.



Fairus (dua, kanan) bersama peserta AYF 13 di puncak Tokong Wat Arun.